

# Iqbal

## ubah watak

»Berubah ke arah lebih baik

**Serdang:** Watak pendiam dan pasif membuat Iqbal Ismat Nordin suatu ketika dulu lebih selesa menyendiri berbanding bergaul dengan rakan, apatah lagi mahu berdebat dalam khalayak ramai.

Segala-galanya berubah apabila dia sedar sikap itu tidak akan membawanya ke arah lebih baik.

Akhirnya, Iqbal berusaha mengubah perwatakan dan penampilan sedikit demi sedikit.

Mula bergerak aktif dalam aktiviti kokurikulum dan kepimpinan peringkat universiti, beliau dapat merasai perubahan dalam dirinya.

### Perkembangan manusia

“Di UPM, saya mengikuti program

Bachelor Sains Pembangunan Manusia dan Pengurusan yang banyak membantu saya mendalami ilmu berkaitan perkembangan manusia.

“Pengetahuan itu menjadikan saya lebih senang dan selesa bergaul apabila mampu memahami sifat dan perwatakan individu biarpun kali pertama bertemu,” katanya.

Menyedari kelebihan dimilikinya, beliau kemudian mencalonkan dirinya sebagai wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sehingga berjaya dipilih sebagai Presiden bagi sesi 2012/2013.

### Pemimpin kampus

Katanya, cabaran bergelar pemimpin kampus bukanlah sesuatu yang mudah, malah cabarannya lebih getir apabila terpaksa

### PROFIL

**Nama:** Iqbal Ismat Nordin.

**Pendidikan:** Bachelor Sains Pembangunan Manusia dan Pengurusan UPM.

**Asal:** Kuantan, Pahang.

**Pencapaian:**

- Presiden MPP UPM sesi 2012/2013.
- Wakil UPM acara olahraga larian 4 x 100 meter pada Majlis
- Sukan Universiti dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi.
- Menyertai Misi Sukarelawan, Yayasan Sukarelawan Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam.
- Program Pertukaran Pelajar UPM di Turki.

berdepan dengan isu dan masalah dibangkitkan mahasiswa.

“Semua itu menguji kesabaran dan kekuatan mental, bukan saja pada diri saya malah rakan sekampus agar sama-sama mencari penyelesaian.

“Apapun, pengalaman dalam MPP adalah sesuatu yang berharga kerana ini membantu saya memiliki sikap positif dan dinamik,” katanya.

